

10/01/2003

Pelabur saham amanah harus terima hakikat

PUTRAJAYA: Pelabur saham amanah tidak harus mengharapkan keuntungan semata-mata dengan harapan kerajaan akan menanggung kerugian yang dialami mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pelabur harus faham dalam pelaburan ada masa mereka mendapat keuntungan dan ada ketika kerugian jika syarikat yang dilaburkan rugi.

"Pelabur saham amanah berpendapat mereka mesti untung walaupun syarikat yang kita melabur dalamnya itu rugi. Ini sesuatu yang salah.

"Kalau kita melabur ada kalanya pelaburan kita tak begitu baik dan kita akan menanggung kerugian

"Sesiapa yang berniaga kadang-kadang dia akan rugi. Itu kita kena terima. Saya kurang faham kenapa orang yang melabur dalam saham amanah berpendapat kalau rugi kerajaan mesti tolong. Itu tidak munasabah," katanya pada sesi dialog Global Forum 2003 di sini, semalam.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ditanya oleh salah seorang peserta forum mengenai masalah melanda skim saham amanah di beberapa negeri serta sama ada kerajaan akan membantu skim berkenaan.

Kelmarin, Kerajaan Selangor mengumumkan cadangan menutup skim Amanah Saham Selangor (Asas) berikutan kedudukannya yang tidak menguntungkan pelabur.